

U B889 DEB  
MAHATHIR - SABAH R R R  
(I)

KUALA LUMPUR, 23 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DAN Pengerusi Barisan Nasional Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru 423,097 pengundi di Sabah supaya mengundi dengan bijak dalam pilihan raya negeri pada 5 dan 6 Mei.

+Yang saya maksudkan dengan mengundi dengan bijak, tentulah mengundi Barisan Nasional,+ katanya kepada para pemeberita selepas menonton previu Minggu Sains dan Teknologi Asean dan Sarkas Sains Kanada di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini selama dua jam.

Ketika ditanya mengenai peluang BN dalam pilihan raya itu, beliau berkata beliau yakin yang BN boleh memenangi pilihan raya itu kerana +kami kami dalam BN sentiasa mempunyai harapan.+

Beliau berkata bahawa BN belum lagi memutuskan sama ada hendak menghantar pasukan untuk membantu Berjaya, parti komponen BN dalam kempen untuk pilihan raya itu.

Berjaya bertanding bagi 38 daripada 48 kerusi dan menggunakan lambang parti itu sendiri, bulan lambang +dacing+ BN. -- Lagi.  
1947MST 23 04 86

D593

U B894 DEB  
MAHATHIR - SABAH 2 KUALA LUMPUR

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menafikan kononnya keputusan Presiden USNO Tun Datu Mustapha Datu Harun tidak bertanding semula dalam pilihan raya negeri itu merupakan sebahagian daripada +formula Sabah+ untuk menyelesaikan krisis politik di negeri itu baru-baru ini.

+Sama ada beliau bertanding atau tidak, itu adalah urusannya dan terserahlah kepada beliau untuk membuat keputusannya sendiri,+ katanya.

Tun Datu Mustapha yang dipilih bagi kerusi usukan dalam pilihan raya pada 22 April 1985 tidak termasuk dalam senarai calon USNO dalam pilihan raya kali ini. Beliau dikatakan sedang di Australia.

Formula itu yang dicadangkan oleh BN, menyarankan penubuhan kerajaan campuran antara PBS yang memerintah, USNO dan Berjaya, telah ditolak oleh PBS.

Perdana Menteri juga mengesahkan peremuannya dengan Timbalan Presiden UMNO Datuk Musa Hitam selama 30 minit di pejabat beliau Isnin lepas. -- Lagi.

2039MST 23 04 86

U 5895 DEB  
MAHATHIR - SABAH 3 KUALA LUMPUR

Apabila ditanya perkara yang dibincangkan dalam pertemuan itu, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata:

+itu adalah pertemuan biasa.+ Beliau enggan mengulas lebih lanjut.

Peremuan itu merupakan pertemuan rasmi yang pertama bagi mereka selepas Datuk Musa Meletak jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri dalam negeri pada 16 Mac. -- Bernama.

2042MST 23 04 86